

**'Terima kasih PM bantu kami'  
Utusan Online  
04 April, 2012  
Daripada AZMAN MD. NOOR**

HATYAI 3 April - "Terima kasih kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak), terima kasih kerana bantu kami."

Demikian luahan rakyat Malaysia, Choo Kok Boon, 46, yang menjadi mangsa bom ketika dibawa pulang dari Hospital Rajyindee di sini kira-kira pukul 11.45 pagi (waktu tempatan) hari ini.

Choo Kok Boon dan isterinya, Somkhid Luangnut, 37, yang cedera dan terpaksa dirawat di hospital terbabit dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Petaling Jaya hasil bantuan Kelab Putera 1Malaysia, diketuai Presidennya, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

Kok Boon tersenyum sebaik sahaja keluar dari wad diiringi Abdul Azeez untuk dibawa menaiki ambulans Kelab Putera 1Malaysia bersama doktor pengiring, Dr. Mahaendran dan jururawat, Atikah Md. Noor.

Masih terdapat empat lagi rakyat Malaysia yang dirawat di Songkhla Nagarin dan Hospital Rajyindee manakala kesemua yang dirawat di Hospital Sikarin sebelum ini telah dibenarkan keluar semalam.

Kok Boon yang berbalut di kepala terharu dengan kesungguhan kerajaan Malaysia melalui kerjasama kelab itu membawa mereka pulang.

Sejak tiba di bandar ini Isnin lalu, ahli-ahli keluarga mangsa turut melahirkan rasa terharu dengan keprihatinan Abdul Azeez membantu dan berunding dengan mereka serta pihak berkaitan.

Sementara itu, Abdul Azeez berkata, mayat dua mangsa, Low Thian Hock, 46, dari Kulim dan Tan Peng Chan, 39, dari Kuala Kedah akan dibakar di sini dan abunya akan dibawa balik oleh keluarga masing-masing ke Malaysia.

Dalam pada itu, Konsul Jeneral Malaysia di Songkhla, Mohd. Aini Atan berkata, kerjasama antara pihaknya dengan hospital dan bantuan daripada kerajaan Thailand amat baik sekali gus melancarkan misi membawa pulang rakyat Malaysia yang tercedera.

"Kerajaan Thailand dan pihak hospital berterima kasih atas sokongan kuat kerajaan melalui Kelab Putera 1Malaysia dalam menghulurkan sumbangan ini," katanya.

Beliau turut mengesahkan sehingga kini, hanya 20 rakyat Malaysia yang sudah membuat laporan mengenai kerosakan kenderaan yang masih tersadai di sini sejak kejadian pada Sabtu lalu.

"Kita masih menunggu sekiranya ada rakyat Malaysia yang menghadapi masalah sama ada kehilangan dokumen, kenderaan atau sebagainya membuat laporan kepada pihak kami," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0404&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0404&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm)

